

09/03/2001

Tiada permohonan suaka politik Estrada

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia dan Thailand tidak menerima permintaan mana-mana pihak untuk memberi perlindungan politik kepada bekas Presiden Filipina, Joseph Estrada.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kerajaan tidak menerima sebarang laporan mengenai perkara itu.

"Kami tidak terima apa-apa berita...kami bukan negara yang memberi perlindungan," katanya mengulas amaran Naib Presiden Filipina, Teofisto Guingona, bahawa Estrada mungkin lari ke negara jiran bagi mengelak dakwaan jenayahnya terhadapnya.

Amaran itu berikutan laporan bahawa Estrada beberapa kali cuba menemui Duta Thailand di Manila untuk mendapatkan perlindungan dan membuat permintaan yang sama kepada beberapa negara Asean serta Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, kerajaan Presiden Filipina Gloria Arroyo mahu Estrada dihadapkan ke muka pengadilan atas jenayah rasuah dan melarang bekas presiden itu meninggalkan negara.

Sementara itu, Menteri Luar Thailand, Dr Surakiart Sathirathai berkata, kerajaannya belum menerima sebarang permintaan rasmi dari Filipina mengenai perkara berkenaan.

"Kami belum terima apa-apa permintaan. Jika ada, adalah sesuatu yang memeranjatkan kerana apa yang kami maklum, Filipina tidak membenarkan Estrada meninggalkan negara dan sekiranya permintaan (perlindungan) itu diberikan, ia seolah-olah menunjukkan percanggahan pendapat.

"Saya tidak boleh beri sebarang komen lagi kerana belum ada permintaan itu," katanya selepas membuat kunjungan hormat kepada Syed Hamid di Wisma Putra, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Dr Surakiart berkata, negaranya sentiasa memuji Malaysia dalam usaha membawa perdamaian di Myanmar.

Thailand menganggap inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, sebagai langkah positif dalam mengembalikan keamanan di negara itu.

Dr Mahathir melawat Myanmar pada Januari lalu dan mengadakan perbincangan dengan Jeneral Kanan Than Shwe, selaku Pengerusi Majlis Kemanan dan Pembangunan Negara mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Sehubungan itu, Dr Surakiart berkata, Thailand sedia membantu dengan apa cara pun dalam membantu proses itu.

Usaha damai di negara yang diperintah junta tentera itu diketuai oleh Razali berikutan resolusi perhimpunan agung PBB pada 1999, yang meminta kerajaan Myanmar menghentikan sebarang pencabulan hak asasi manusia dan mengambil langkah membawa negara itu ke alam demokrasi.

(END)